



## **Pembentukan Peribadi Muslim Menurut Syeikh Abd Al-Qadir Al-Jailani: Tumpuan terhadap Kitab *Futuh Al-Ghayb***

### ***Muslim Personality Development According to Syeikh Abd Al-Qadir Al-Jailani in Futuh Al-Ghayb***

**Lily Syeeda Abd Razak**

Universiti Islam Selangor

21mt04002@student.kuis.edu.my

**Nazneen Ismail**

Universiti Islam Selangor

nazneen@kuis.edu.my

#### **ABSTRAK**

Pembentukan peribadi Muslim terdiri di atas tiga asas Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Perbincangan berkaitan keperibadian dan pembentukannya bersifat holistik dengan mengambil kira aspek rohani dan jasmani serta mengambil kira hubungan manusia dengan Allah SWT dan sesama manusia. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kaedah pembentukan peribadi Muslim menurut Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani berdasarkan karyanya *Futuh al-Ghayb*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen. Kajian dilakukan dengan meneliti 80 wasiat Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani dalam kitab ini dan mengklasifikasikannya mengikut tema-tema tasawuf. Hasil kajian menunjukkan Syeikh Abd al-Qadir menekankan aspek ikhlas, zuhud dan tawakkal dalam memastikan pembentukan peribadi Muslim yang seimbang dunia juga akhirat.

Kata kunci: Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani; peribadi Muslim; tasawuf; insan kamil; *Futuh al-Ghayb*

#### **ABSTRACT**

*Muslim personality consists of three fundamentals of Islam, namely faith (aqidah), worship (ibadah) and morality (akhlaq). The discussions related to holistic personality development include the spiritual and physical aspects as well as the human relationship with Allah and fellow human beings. The main objective of this*

*study is to examine the method of Muslim personality development according to Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani based on his work Futuh al-Ghayb. The study uses a qualitative approach to the design of document analysis. The study was done by analysing Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani's messages in his book and classifying them according to the Sufism approach. The results showed that Syeikh Abd al-Qadir emphasizes the aspects of sincerity (ikhlas), asceticism (zuhd) and putting trust in Allah (tawakkul) in ensuring the formation of a balanced Muslim personality in this world and the hereafter.*

*Keywords: Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani; Muslim personality; sufism; The Perfect Man; Futuh al-Ghayb*

## **PENDAHULUAN**

Keperibadian atau personaliti dalam bahasa Arab disebut sebagai *syakhsiyyah*. Ia bermaksud sifat yang membezakan seseorang dengan orang yang lain (Ibn Manzur, 1965). Ia berkait dengan budi pekerti, perangai, tingkah laku (tabiat) dan adat kebiasaan. Daripada tingkah laku luaran ini, sikap seseorang dapat dikenal pasti. Hakikatnya ia adalah satu bentuk gandingan antara sifat luaran dan dalaman seseorang di mana setiap satunya mempengaruhi yang lain sehingga menampilkan ciri-ciri yang membezakannya dengan orang lain (Ismail & Abu Zahrin, 2018)

Keperibadian manusia terzahir daripada pola fikir (bagaimana seseorang berfikir), pola sikap (bagaimana ia bersikap) dan pola tingkah laku (bagaimana ia bertingkah laku). Keperibadian sebenarnya adalah campuran dari hal-hal yang bersifat psikologi (kejiwaan) dan juga yang bersifat fizik. Ia mewakili karakter individu yang terdiri dari pola fikiran, perasaan dan perilaku yang konsisten. Jika dihubungkan dengan Islam, maka keperibadian Muslim merupakan sinergi antara pola fikir dan pola sikap seseorang yang dilandasi oleh akidah dan nilai-nilai Islam. Dengan kata lain, keperibadian Muslim adalah keperibadian yang pandangan, sikap, pilihan, keputusan, dan perbuatannya sesuai dengan nilai-nilai Islam (Saifurrahman, 2016).

Dalam al-Quran, keperibadian yang baik diungkapkan dengan pelbagai istilah antaranya Muslim (2:133, 3:52, 6:163), mukmin (2:97, 8:2, 23:1) dan muhsin (2:195, 5:13, 7:56). Keperibadian Muslim adalah keperibadian yang beriltizam dengan lima Rukun Islam iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji ke Baitullah bagi yang mampu. Maka, keperibadian ini membebaskan diri mereka daripada syirik kepada Allah SWT dan mengisinya dengan kepatuhan penuh kepada-Nya (Abdul Mujib, 1999; Ismail & Abu Zahrin, 2018). Mukmin pula didefinisikan sebagai seorang yang mempercayai sepenuh hati terhadap kewujudan Allah SWT, malaikat, kitab, para rasul-Nya, hari akhirat dan qadqadar. Seterusnya keperibadian muhsin ialah mereka yang mampu meningkatkan kualiti

tingkah laku mereka dengan cara mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ia perlu melalui beberapa tahap merangkumi *takhalli* (menyingkirkan sifat tercela), *tahalli* (berusaha melazimi tingkah laku yang baik) dan *tajalli* (menzahirkan sifat-sifat Allah SWT pada diri) (Abdul Mujib, 1999).

Secara asasnya, pembentukan peribadi Muslim berkait rapat dengan pendidikan. Melalui pendidikan seseorang itu diasuh, dididik dan dilatih untuk mentaati Allah SWT dengan menanamkan akhlak yang mulia dalam diri. Maka, ia meliputi tiga komponen asas Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai model teragung. Selain aspek luaran, keperibadian Muslim turut diperincikan dari aspek dalaman (batin) (Mat Daud, Yussuf & Abdul Kadir, 2020). Penampilan luaran atau gerak laku secara jasmani disebut sebagai akhlak manakala aspek dalaman atau kerohanian disebut sebagai tasawuf. Kedua-dua aspek ini mempunyai kaitan dari segi matlamat akhirnya untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Penyucian akhlak buruk dan penanaman akhlak baik merangkumi akhlak zahir dan batin seorang Muslim itu (Ali, Ismail, Hussin, 2022).

Antara kesan tasawuf ialah memperkuatkan keimanan, menyedarkan jiwa, membina keperibadian, membentuk individu yang bertanggungjawab dan membina hubungan persaudaraan. Kepentingan penyucian jiwa dan kesannya terhadap peribadi manusia ini boleh dilihat berdasarkan sumbangan para ulama tasawuf sepanjang zaman dalam mengembangkan serta membincangkan ilmu ini. Antara tokoh dalam bidang ini ialah Syaikh Abd al-Qadir al-Jailani, Imam al-Ghazali, Ibn Ata'illah al-Sakandari dan lain-lain. Perbincangan mereka juga dirakamkan dalam bentuk penulisan seperti *Ihya' Ulum al-Din*, *Mizan al-'Amal*, *Kimiya' al-Sa'adah*, *Minhaj al-'Abidin*, *al-Ghunya li Talib Tariq al-Haq*, *Futuh al-Ghayb* dan *al-Hikam* (Pakar, 2013). Bagi penulisan ini, tumpuan diberikan kepada salah satu karya Syaikh Abd al-Qadir iaitu *Futuh al-Ghayb*.

### **Pengenalan Syaikh Abd al-Qadir al-Jailani**

Syaikh Abu Muhammad Muhyiddin Abd al-Qadir al-Jailani atau lebih dikenali dengan Syaikh Abd al-Qadir al-Jailani dilahirkan di sebuah wilayah yang dikenali sebagai Jailan atau Kailan di Iran sekitar tahun 1077 M bersamaan 470 H. Oleh kerana itu, beliau digelar al-Jailani. Beliau merupakan nasab daripada Ali bin Abi Talib RA. Dari pihak sebelah ayahnya beliau adalah keturunan Saidina Hassan manakala sebelah ibunya pula beliau adalah daripada keturunan Saidina Hussain yang kedua-duanya adalah cucu kepada Nabi Muhammad SAW. Beliau dilahirkan dalam suasana keluarga yang dalam kesederhanaan dan soleh. Datuk beliau yang bernama Abdullah Saumi merupakan seorang ahli sufi, imam besar dan wali Qutb yang terkenal (Rohmatullah, 2019; al-Jailani, 2011; Subhi & Syelin Komala, 2020). Beliau memainkan peranan utama dalam mendidik Syaikh Abd al-Qadir al-Jailani setelah kematian bapanya pada usia masih kecil. Justeru, beliau dibesarkan dalam lingkungan keluarga yang mulia dan mendapat didikan kaum sufi yang hidup sederhana, ikhlas dan mengutamakan akhirat (Muzayanah, 2021).

Sejak usia muda, Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani gemar menuntut ilmu. Pada tahun 488 H/1095 M dalam usia 18 tahun al-Jailani sudah meninggalkan Jilan menuju Baghdad. Di Baghdad beliau belajar kepada beberapa ulama seperti Ibnu Aqil, Abu al-Khatthab, Abu al-Hussein al Fara' dan juga Abu Sa'ad al Muharrimi. Beliau menimba ilmu pada ulama-ulama tersebut hingga mampu menguasai ilmu seperti *usul fiqh*, *furu' al-fiqh*, *usuluddin* dan juga ilmu khilaf (perbezaan pendapat ulama) (al-Jailani, 2011). Di antara guru-guru beliau dalam bidang fiqh juga ialah Syeikh Abi al-Wafa' al-Hambali, Syeikh Abi al-Khathhab al Kalwadzani al-Hambali, dan Syeikh Abi al-Husein Abu Ya'la. Manakala dalam bidang sastera, al-Jailani berguru dengan Abu Zakariya Yahya al-Tibrizi. Seterusnya, dalam bidang ilmu hadis beliau berguru kepada Abu Ghain al-Baqilani, Ibnu Khunais, Abu Hanaim al-Rasi, Abu Bakar al-Tamara dan Abu Muhammad Al-Sirraj. Selain itu, dalam ilmu tasawuf beliau telah berguru dengan Hammad bin Muslim al-Dibbas (Muzayanah, 2021).

Beliau juga mempunyai ramai murid yang juga menjadi ulama terkenal seperti al Hafiz Abd al-Ghani yang menyusun kitab *Umdat al-Ahkam fi Kalam Khair al-Anam* dan Syeikh Qudamah penyusun kitab fiqh terkenal *al-Mughni* (Muzayanah, 2021).

Sumbangan Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani dalam bidang keilmuan juga dapat dilihat melalui penulisannya yang banyak dan bermanfaat bagi umat. Ini membuktikan kedalaman dan keluasan ilmu beliau dalam bidang fiqh, tauhid, tasawuf, akhlak, hadis, tafsir dan disiplin ilmu lain. Tetapi, kebanyakan besar karya beliau telah dimusnahkan oleh tentera Hulagu Khan ketika mereka menyerang Baghdad. Walaubagaimana pun, para muridnya berusaha mengumpulkan nasihat-nasihat yang diperolehi daripada majlis-majlis beliau. Antara karya yang dinisbahkan kepada beliau ialah (Zakariya, 2019; Hidayat, 2014; Subhi & Syelin Komala, 2020):

- i. *Tafsir al-Jilani*: merupakan sebuah tafsiran yang ditulis daripada surah yang pertama sehingga surah yang terakhir. Padanya terdapat muqaddimah dan penutup yang menjadi satu ringkasan dalam kandungan. Ayat demi ayat ditafsirkan dengan cara penuturan dan ungkapan yang mudah, singkat dan sistematik (Zakariya, 2019).
- ii. *Al-Fath al-Rabbani wa al-Fayd al-Rahmani*: membahaskan tentang wasiat-wasiat serta nasihat daripada beliau dalam majlis pengajian. Tafsiran daripada kitab ini mengandungi 62 nasihat dan ajaran membersihkan hati (Zakariya, 2019).
- iii. *Jala' al-Khatir*: sebuah kitab mengandungi khutbah yang disampaikan oleh beliau sekitar tahun 546H (Zakariya, 2019).
- iv. *Al-Ghunya li al-Thalibi Thariq al-Haq*: berkisarkan tentang bekalan yang mencukupi bagi pencari jalan kebenaran dan agama. Buku ini mengandungi lima bahagian fikih, akidah, keutamaan amal (fada'il al-a'mal) dan akhlak atau tasawuf. Karya ini juga didapati mempunyai

- persamaan dengan *Ihya'* karangan Imam al-Ghazali (Zakariya 2019; Mashar & Muna, 2020).
- v. *Futuh al-Ghaib*: di dalamnya terdapat 80 bahagian penyampaian daripada Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani berbentuk nasihat, pandangan dan pemikiran tentang keadaan dunia, keadaan jiwa dan ketundukan kepada perintah Allah SWT (Zakariya, 2019; al-Jailani, 1974).
  - vi. *Sirr al-Asrar*: Kitab yang terkenal kerana dianggap jambatan atau penghubung kepada ketiga-tiga kitab beliau iaitu *al-Ghunya lil Thalibi Thariq al-Haq*, *al-Fath ar-Rabbani wa al-Faydh ar-Rahmani dan Futuh al-Ghaib*. Kitab ini lebih menjelaskan tentang pengalaman dan tahap spiritual seseorang dalam menjalani kehidupan bertarekat dan makrifat sehingga boleh mencapai kepada hakikat Allah SWT (Hidayat, 2014).

Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani telah wafat pada 561 Hijriyah (1166 M), pada usia ke 91 tahun dan dikebumikan di Baghdad, Iraq (Subhi & Syelin Komala, 2020).

#### **PENDEKATAN TASAWUF SYEIKH ABD AL-QADIR AL-JAILANI**

Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani telah mengasaskan Tarekat al-Qadiriyyah yang diperakui sebagai satu tarekat yang selari dengan syariat dan mempunyai sanad yang dipercayai. Amalan tarekat beliau juga telah disebar luas oleh para muridnya ke serata dunia sehingga ke hari ini. Tasawuf dalam pandangan al-Jailani adalah integrasi keilmuan yang berlandaskan al-Quran dan Hadits serta konsistensi pengamalan ajaran Islam dengan menjernihkan jiwa dan pikiran melalui pembersihan hati. Caranya ialah dengan beribadah kepada Allah dengan sungguh-sungguh dan memiliki akhlak yang terpuji ketika berinteraksi dengan manusia (Muzayanah, 2021).

Sehubungan itu, al-Jailani menjelaskan terdapat beberapa tingkatan iman iaitu (1) keyakinan (2) keikhlasan (3) menunaikan kewajipan (4) menyempurnakan ibadah sunnah (5) menjaga akhlak dalam segala aspek ibadah dan muamalah. Tingkatan terakhir merupakan aspek yang paling penting dan disebut sebagai benteng pertahanan, kerana sekiranya ia dapat ditembusi syaitan melalui godaannya ke atas manusia, maka ia akan dapat menembusi tingkatan seterusnya. Dengan erti kata lain, apabila manusia tidak berjaya memelihara akhlaknya, maka syaitan akan mengganggu ibadah, kewajipan, keikhlasan dan keyakinan seseorang itu. Akibatnya, keimanannya akan tercabut daripada dirinya. Justeru, seorang sufi wajib menjaga adab dan batasan syarak supaya dapat mencapai makrifat Allah SWT (Muzayanah, 2021).

Dalam penerapan tasawufnya, Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani tidak melakukan pengasingan diri dengan tujuan membenci dunia dan bersikap seperti para pendeta. Tetapi, beliau menolak untuk menikmati keinginan syahwat sehingga lalai daripada mengingati Allah SWT. Ini bermakna beliau tidak melarang seseorang untuk

menguasai dunia tetapi perlu berhati-hati agar tidak sampai diri dikuasai dan diperhambakan oleh dunia (Subhi & Syelin Komala, 2020),

Beliau juga menekankan kewajiban mencari harta yang halal dan menentang sikap bermalas-malasan. Sebaliknya, tokoh ini mengetengahkan konsep keseimbangan dalam hidup. Dunia dijadikan tempat untuk menuai hasil di akhirat kelak. Ini kerana kehidupan akhirat merupakan kesinambungan daripada kehidupan dunia. Maka, tasawuf yang dibawa oleh beliau menggunakan pendekatan progresif, aktif dan positif (Subhi & Syelin Komala, 2020).

Justeru, seseorang itu perlu memastikan keselarian antara tasawuf dengan syariat. Ini sebagaimana yang ditekankan oleh Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani sebagai tokoh yang menunjukkan hubungan antara syariat (fiqh) dengan tasawuf. Integrasi ini menjadi tunjang kepada pembentukan peribadi seorang Muslim. Ini kerana kepatuhan kepada syariat merupakan syarat mutlak untuk meraih kesejahteraan di dunia dan akhirat serta bertaqarrub kepada Allah SWT. Untuk mencapai matlamat ini juga, seseorang perlu menjalani mujahadah dan penyucian diri (Muzayanah, 2021).

### **Pengenalan Kitab *FUTUH AL-GHAYB***

*Futuh al-Ghayb* merupakan himpunan syarahan Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani dalam majlis-majlis yang berbeza masa dan tempat. Ia mengandungi ajaran tasawuf secara terperinci seperti gesaan berpegang kepada syariah, akidah dan pegangan umat Islam, gesaan selalu berdoa kepada Allah SWT, *fana'*, taqarrub kepada Allah SWT, hubungan antara dunia dan akhirat, keadaan jiwa, ujian dan cubaan, perihal wali serta akhlak yang mulia (Muhammad Zin, 1998).

Karya ini termasuk antara karya yang bukan dikarang oleh Syeikh Abd al-Qadir sendiri, tetapi merupakan kompilasi yang dibuat oleh salah seorang murid beliau iaitu Syeikh Zain al-Din al-Murshafi al-Sayyad. Atas sebab ini, boleh diperhatikan bahawa setiap maqalah dimulai dengan perkataan 'beliau' atau 'kata beliau'. Walau bagaimana pun, karya ini tetap disandarkan kepada Syeikh Abd al-Qadir sendiri kerana kandungannya termasuk dalam warisan ilmu daripada tokoh tersebut (al-Qahtani, 2010).

Bagi kajian ini, manuskrip yang dijadikan bahan penelitian ialah kitab *Futuh al-Ghayb* terbitan Maktabah al-Babiy al-Halabi tahun 1974. Manakala bagi rujukan sekunder, kitab terjemahan Abdul Majid bin Khatib yang diterbitkan oleh Pustaka Aman Press Sdn Bhd pada tahun 2011 telah dijadikan sandaran serta pemudah cara dalam membantu pengkaji memahami isi kandungan kitab.

Menurut penelitan pengkaji dari segi gaya penyampaian, buku ini tidak mempunyai syarah yang panjang lebar tetapi hanya mengemukakan kalam Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani dan dibahagikan kepada 80 *maqalah*. Setiap *al-Maqalah* diberikan

nombor mengikut turutan seperti *al-Maqalah al-Ula*, *al-Maqalah al-Thaniah* dan seterusnya. Setiap *maqalah* diberikan tajuk berdasarkan isi utama kalam Syeikh Abd al-Qadir yang ingin diketengahkan.

### **PEMBENTUKAN PERIBADI MUSLIM DALAM *FUTUH AL-GHAYB***

Berdasarkan penelitian terhadap isi kandungan kitab *Futuh al-Ghayb*, pengkaji mendapati asas utama bagi pembentukan peribadi Muslim ialah sifat ikhlas, zuhud dan tawakkal. Penekanan ini ditunjukkan melalui pesanan-pesanan yang menjurus kepada mengutamakan Allah SWT dalam segenap hal dan tidak meletakkan pergantungan hati kepada makhluk termasuk diri sendiri.

#### **Ikhlas**

Ikhlas ialah menyucikan setiap amalan hati atau jiwa daripada segala sesuatu yang tidak murni dengan menjadikan semua amalan kerana Allah SWT semata-mata. Ia terdiri daripada tiga bentuk iaitu *ikhlas al-'awwam* (menyucikan amalan daripada perkara yang bercampur dengan tujuan dunia), *ikhlas al-khawwas* (tidak memandang amal dalam diri dengan tidak berbangga dengan amalan dan tidak merasakan bahawa dia berhak mendapatkan pahala dengan amalan tersebut) dan *ikhlas khassah al-khassah* (hanya mengharap agar Allah mengurniakan kepada diri sifat ikhlas) (al-Kayyali, 2011). Berkaitan ikhlas, Syeikh Abd al-Qadir dalam kalamnya yang kedua mengungkapkan:

اتبعوا ولا تبذعوا وأطيعوا ولا تمرقوا، ووحدا ولا تشرکوا،  
ونزهوا الحق ولا تتهموا، وصدقوا ولا تشکوا، واصبروا ولا  
تجزعوا، واثبتوا ولا تنفروا، واسألوا ولا تسأموا، وانتظروا  
وترقبوا ولا تياسوا

Maksudnya:

*“Ikutlah (jalan yang telah ditempuh oleh Rasulullah SAW) dan janganlah melakukan bid'ah. Taatlah (kepada Allah dan Rasul-Nya) dan janganlah derhaka. Bertauhidlah kepada Allah (meng-Esakan Allah), dan jangan menyekutukan-Nya. Sucikanlah al-Haq (Allah SWT) dan janganlah kamu mencela-Nya. Benarkan Dia dan janganlah kamu ragu-ragu terhadap-Nya. Bersabarlah dan jangan berputus asa. Tetaplah teguh dan janganlah melarikan diri. Bermohonlah kepada-Nya dan jangan merasa jemu. Tunggu dan perhatikan serta jangan berputus asa.”* (al-Jailani, 1974; 2011).

Perintah agar mentauhidkan Allah SWT yang dinyatakan dalam kalam tersebut termasuk dalam konteks mengikhlaskan diri dalam ibadah seperti yang dirumuskan oleh para ulama. Ia bermaksud keinginan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, mengagungkan-Nya dan menyambut seruan-Nya. Hal ini didorong oleh

keimanan yang benar (Jumantoro & Amin, 2005). Sebagaimana huraian HAMKA (1985) terhadap surah al-Ikhlas ayat 1-4 bahawa konsep tauhid itu tidak lain tidak bukan merupakan pokok pangkal akidah dengan memperakui keEsakan nama Allah SWT secara murni, tulus dan ikhlas tanpa sebarang keraguan tentangnya.

Justeru, Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani mengingatkan anak muridnya agar melaksanakan tanggungjawab kerana Allah dengan ikhlas dan benar kerana ia akan menyelamatkan mereka daripada perkara selain daripada Allah SWT. Kata beliau dalam kalam ketiga puluh lapan:

يَا قَوْمِ لَا تَدْعُوا مَا لَيْسَ لَكُمْ، وَوَحِدُوا وَلَا تَشْرِكُوا

Maksudnya:

*“Janganlah kamu menuntut apa yang bukan untuk kamu. Bertauhidlah kepada Allah dan janganlah kamu menyekutukan Allah.”* (al-Jailani, 1974; 2011)

Menurut al-Qusyairi (2002), ikhlas adalah mengEsakan Allah SWT dalam semua ketaatan. Ketaatan seseorang itu bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT semata-mata, tanpa dibuat-buat, tanpa ditujukan untuk makhluk, bukan untuk mencari pujian manusia atau makna-makna lain selain mendekatkan diri kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Rum, ayat 30:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ  
اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ٣٠

Maksudnya:

*“Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada peubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”*

Al-Sarraj (2002) didapati memetik beberapa pandangan ahli sufi pada zamannya berkaitan ikhlas. Antaranya al-Muhasibi dan Junaid al-Baghdadi yang menyatakan bahawa ikhlas bermaksud mengeluarkan makhluk daripada muamalah dengan Allah SWT. Makhluk yang paling utama (untuk dikeluarkan) ialah nafsu manusia itu sendiri. Termasuk dalam ciri ikhlas ialah lebih suka berkhawatir untuk bermunajat kepada Allah SWT, kurang mengenal makhluk dengan beribadah kepada Allah SWT dan tidak suka diketahui makhluk dalam bermuamalah dengan Allah SWT (al-Sarraj, 2002).

Selain itu, Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani juga mengingatkan anak muridnya supaya tidak mencintai dunia dan segala isinya. Menurut beliau dalam kalam yang kedua belas,

إذا أعطاك الله عز وجل مالا فاشتغلت به عن طاعتك حجباك  
به عنه دنيا وأخرى، وربما سلهك إياه وغيرك وأفقرك  
لاشتغالك بالنعمة على المنعم، وإن اشتغلت بطاعته عن المال  
جعل لك موهبة ولم ينقص منه حبة واحدة وكان المال خادمك  
وأنت خادم المولى، فتعيش في الدنيا مدلا وفي العقبى مكرما  
مطيبا في جنة المأوى مع الصديقين والشهداء والصالحين

Maksudnya:

*“Sekiranya kamu diberikan harta oleh Allah SWT dan kemudian harta itu menyibukkan kamu daripada ketaatanmu maka Dia akan meletakkan penghalang (hijab) antara dirimu dan Dia di dunia dan akhirat. Mungkin sahaja Dia akan menarik semula nikmatmu dan selain kamu serta menjadikanmu fakir sebagai balasan kerana kesibukanmu dengan nikmat daripada Pemberi Nikmat. Sekiranya kamu menyibukkan dirimu dengan mentaati Allah SWT berbanding harta, maka dia akan menghadiahkan kamu tanpa mengurangi sedikit pun. Harta kekayaan adalah hambamu dan kamu adalah hamba Allah SWT. Oleh itu, engkau akan hidup dalam dunia dengan keselesaan dan di akhirat dengan penghormatan, kesucian, di dalam Syurga Ma’wa bersama para siddiqin, syuhada, dan orang-orang soleh” (al-Jailani, 1974; 2011)*

Beliau turut mencela perbuatan meminta-minta kepada selain Allah SWT. Dalam kalam ke-43 beliau menyatakan,

ما سأل الناس من سأل إلا لجهله بالله عز وجل وضعف إيمانه  
ومعرفته ويقينه وقلة صبره، وما تعفف من تعفف عن ذلك إلا  
لوفور علمه بالله عز وجل وقوة لإيمانه ويقينه وتزايد معرفته  
بربه عز وجل في كل يوم ولحظة وحيائه منه عز وجل

Maksudnya:

*“Tidak meminta-minta seseorang daripada permintaan kecuali kerana dia jahil akan Allah SWT, lemah imannya, ma’rifah dan keyakinannya serta kurang sabarnya. Dan tidaklah seseorang itu menahan diri daripada itu (meminta-minta) melainkan kerana*

*keluasan ilmunya tentang Allah SWT, kekuatan iman dan keyakinannya, serta bertambahnya pengetahuannya tentang Tuhannya setiap hari dan setiap saat, serta rasa malu kepada-Nya.”* (al-Jailani, 1974; 2011)

Pesanan ini berkait dengan sifat zuhud yang menjadi amalan para sufi. Zuhud merupakan keadaan rohani yang mulia dan menjadi dasar pelbagai keadaan rohani yang lain. Ia menjadi syarat asas bagi mereka yang ingin hampir kepada Allah SWT. Sifat zuhud yang dimaksudkan ialah zuhud terhadap perkara yang halal sedangkan dalam perkara yang jelas haram atau syubhat ditinggalkan secara terus (al-Sarraj, 2002). Sabda Rasulullah SAW:

اَزْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُحِبَّكَ اللهُ، وَازْهَدْ فِيمَا فِي أَيْدِي النَّاسِ يُحِبُّكَ النَّاسُ

Maksudnya:

*“Zuhudlah terhadap dunia, kamu akan dikasihi Allah, dan berzuhudlah terhadap apa yang ada di tangan manusia, nescaya kamu akan dikasihi oleh manusia.”* (Sunan Ibn Majah, no 4102).

Orang yang mengurangkan harta dan selalu beribadah disebut sebagai orang yang sabar terhadap dirinya sendiri, reda terhadap apa yang telah ditetapkan Allah SWT, menerima apa yang diberikan Allah SWT dan berlapang dada dengan apa yang telah ditentukan-Nya. Orang yang zuhud tidak akan bangga dengan nikmat dunia dan tidak akan mengeluh kerana kehilangannya. Jiwa mereka terasa tenang meninggalkan dunia tanpa rasa terpaksa (al-Qusyairi, 2002).

Justeru, sikap ini membawa kepada tawakkal iaitu meletakkan pergantungan hanya kepada Allah SWT. Dalam kalam Syeikh al-Jailani yang keenam belas, beliau menyifatkan sikap bergantung kepada makhluk menyebabkan seseorang terhalang daripada kemuliaan Allah SWT dan nikmat-Nya. Ini kerana orang yang sentiasa memandang kepada makhluk akan terus disibukkan dengannya sehingga dia melupakan Pemberi Nikmat yang Maha Kuasa lagi Maha Kaya. Sebaliknya, hendaklah bertawakkal kepada Allah SWT dan memandang bahawa Dia Maha Pemberi Rezeki yang memberikan rezeki melalui perantaraan makhluk-Nya. Tawakkal yang tinggi kepada Allah SWT ini menjadikan manusia tidak lagi merasa gusar dengan soal rezekinya kerana dia tahu bahawa Allah SWT akan memberinya sesuai dengan keperluannya. Maka, dia akan menjadi seorang hamba yang bersyukur dan semakin hampir kepada Allah SWT (al-Jailani, 1974; 2011).

ما حجبت عن فضل الله والبدء بنعمه إلا لاتكالك على الخلق  
والأسباب، والصنائع والاكنتساب. فالخلق حجابك عن الأكل

بالسنة وهو المكسب، فما دمت قائما مع الخلق راجعا لعطاياهم وفضلهم سائلا لهم مترددا إلى أبوابهم فأنت مشرك بالله خلقه فإذا تبت عن ذلك وأزلت الشرك عن الوسط ورفعت اتكالك عن الكسب والحوال والقوة، ورأيت الله عز وجل هو الرزاق، هو المسبب والمسهل والمقوى على الكسب، والموفق لكل خير، والرزق بيده تارة يواصلك به بطريق الخلق على وجه المسألة لهم في حالة الابتلاء أو الرياضة أو عند سؤالك له عز وجل، وأخرى بطريق الكسب معاوضة وأخرى من فضله مبادأة من غير أن تري الواسطة والسبب فرجعت إليه واستطرحت بين يديه، رفع الحجاب بينك وبين فضله

Maksudnya:

*“Engkau tidak pernah terhibab daripada limpahan rahmat Allah dan permulaan nikmat-Nya, kecuali kerana mengharap kepada makhluk, sebab-sebab duniawi, hasil usaha, dan perolehan. Makhluk menjadi penghalangmu dalam memahami anjuran makan dengan penuh syukur (sunnah) yang sekali gus merupakan upaya mencari rezeki. Selama engkau bersama dengan makhluk, bergantung pada pemberian mereka, merayu untuk kelebihan dan anugerah mereka, dan engkau berulang alik datang kepada pintu-pintu mereka, maka engkau telah mempersekutukan Allah SWT dengan makhluk-makhluk-Nya.*

*Jika kamu bertaubat darinya dan menghilangkan syirik dari hatimu, melepaskan kebergantunganmu pada usaha dan kekuatan sendiri, serta menyedari bahawa Allah Azza wa Jalla adalah Pemberi Rezeki, Penyebab, Pemudah, dan Penguat dalam segala usaha, serta Penyokong segala kebaikan dan Pengatur segala rezeki. Kadang-kadang Dia memberimu (nikmat) melalui jalur kebiasaan yang ditempuh oleh makhluk dalam keadaan ujian, kesulitan, atau ketika kamu memohon kepada-Nya, dan kadang-kadang melalui usaha yang kamu lakukan, dan kadang-kadang melalui anugerah-Nya tanpa ada perantara atau sebab, maka kamu kembali kepada-Nya, meletakkan segala urusanmu di hadapan-Nya, maka Dia mengangkat (menghapuskan) penghalang di antaramu dan kurnia-Nya.” (al-Jailani, 1974; 2011).*

Firman Allah SWT dalam Surah al-Talaq ayat 3:

وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بَلِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ  
قَدْرًا ۝ ۳

Maksudnya:

*“Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya. Dan barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah niscaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan yang (dikehendaki)Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu.”*

Tawakkal letaknya di hati. Orang yang bertawakkal mengetahui bahawa segala yang berlaku merupakan takdirnya. Jika dia berhadapan dengan kesukaran, maka itu berlaku dengan ketentuan Allah SWT manakala jika dia berhadapan dengan kesenangan, maka itu berlaku dengan izin-Nya. Kesannya ialah seseorang itu mencapai ketenangan hati. Syarat tawakkal ialah melepaskan diri daripada penghambaan kepada makhluk, meletakkan pergantungan kepada Tuhan dan bersikap qanaah (berpada dengan apa yang ada). Jika diberikan sesuatu, dia bersyukur dan jika tidak diberikan, maka dia sabar. Malah, Sahl bin Abdullah menyatakan bahawa tawakkal itu ialah melepaskan diri daripada segala keinginan dengan menjadikan Allah SWT sebagai sandaran (al-Qusyairi, 2002).

Justeru, berdasarkan ungkapan Syeikh Abd al-Qadir yang telah dibentangkan ini dapat disimpulkan bahawa untuk membentuk peribadi Muslim yang unggul, aspek kerohanian perlu diberikan perhatian penuh. Ia bermula dengan penetapan asas tauhid yang jelas dalam diri yang diterjemahkan melalui sifat ikhlas. Apabila seorang hamba mencapai darjat ikhlas yang sebenar iaitu melakukan amalan hanya kerana Allah SWT tanpa mengharap apa-apa daripada makhluk termasuk diri sendiri, maka dia tidak lagi cenderung kepada kenikmatan dunia yang menjerumuskan diri ke arah kebinasaan. Ketulusan hatinya dalam beribadah dan menjalani kehidupan dunia ini membentuk peribadi yang mempunyai ketinggian di sisi Allah SWT dan harmoni bersama dengan anggota masyarakat. Ini kerana sifat zuhud yang terhasil daripada ikhlas menjadikan dirinya tidak lagi memandang kepada nikmat yang dipunyai oleh orang lain dengan perasaan dengki. Sebaliknya, dia bersyukur dengan nikmat yang diberikan kepadanya dan tidak berhajat kepada apa yang bukan ketentuan Allah SWT ke atasnya. Malah, ujian yang ditimpakan ke atasnya juga dijadikan sebagai wasilah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT kerana dia sedar bahawa ujian dan musibah yang berlaku itu juga adalah atas kehendak Allah SWT. Rasa tawakkal yang ada dalam diri ini menghindarkan dirinya daripada menyakiti atau membenci orang lain. Segala yang dilakukan di atas dunia ini tidak lain hanya sebagai jambatan untuk kehidupan yang kekal abadi di akhirat kelak.

Jika diperhalusi, ketiga-tiga elemen yang diketengahkan oleh Syeikh Abd al-Qadir ini mempunyai asasnya di dalam al-Quran dan hadis. Dimulai dengan ikhlas yang merupakan asas penerimaan amalan, diikuti dengan zuhud yang mengajarkan hidup secara sederhana serta tawakkal iaitu meletakkan pergantungan kepada Allah SWT. Sifat-sifat ini dipupuk dengan kaedah pendidikan seperti *tabyin* (memberi penerangan) dan contoh teladan. Kesannya boleh dilihat melalui daya kreativiti, produktiviti serta komitmen seseorang dalam mempraktikkan nilai-nilai Ilahi dan keinsanan. Penghayatan akidah membuahkan akhlak yang terpuji dalam urusannya dengan masyarakat sekeliling (Limisjar, 2017). Menjadikan Allah SWT sebagai matlamat utama juga memberi implikasi kepada gaya hidup seseorang. Ia kerana kepuasan dunia bukan menjadi perkara yang dikejar. Kesederhanaan hidup ini boleh diukur berdasarkan tiga aspek iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Kajian Abdul Munir (2014) terhadap pandangan Imam al-Ghazali dan Ibn Qayyim tentang zuhud mendapati bahawa orang yang zuhud menjadikan makanan hanya untuk menghilangkan lapar dan menambah kekuatan dalam beribadah, menjadikan pakaian hanya untuk melindungi diri daripada cuaca panas dan sejuk bukan untuk berhias dan bermewah-mewah, manakala tempat tinggal pula dipilih untuk mencapai tujuan mudah melakukan ibadah. Justeru, dalam setiap gerak langkah kehidupan, mereka terpusat kepada memperhambakan diri kepada Allah SWT. Tidak terlintas dalam diri mereka untuk merendahkan orang lain kerana mereka sedar pada hakikatnya semua manusia adalah hamba yang sentiasa bertawakkal kepada Allah SWT dalam semua usaha yang dilakukan (Zulfian & Happy, 2021).

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, tiga elemen pembangunan jati diri Muslim yang dikemukakan oleh Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani dalam *Futuh al-Ghayb* penting untuk diberikan perhatian khususnya oleh para pendidik dan ibu bapa masa kini. Nilai kerohanian dalam diri para pelajar perlu disuburkan dengan menggunakan pendekatan seperti nasihat, pesanan, tunjuk ajar, peringatan serta pembuktian. Ini kerana nilai kerohanian merupakan pemangkin kepada perubahan tingkah laku seseorang ke arah lebih baik. Hubungan dengan Allah SWT yang dijaga dengan baik mempunyai implikasi terhadap hubungan seseorang dengan manusia lain. Perbincangan karya ini juga didapati selari dengan pandangan ahli tasawuf muktabar seperti al-Qusyairi dan al-Sarraj. Maka, artikel ini mencadangkan agar satu model pembangunan jati diri Muslim dibangunkan berdasarkan prinsip asas yang terdapat dalam *Futuh al-Ghayb* supaya kelestarian karya ulama silam dapat terus relevan dengan peredaran masa dan kehendak masyarakat.

## RUJUKAN

- Abdul Mujib. (1999). *Fitrah dan Keperibadian Islam: Sebuah Pendekatan Psikologis*. Jakarta: Darul Falah.
- Abdul Munir Ismail. (2014). Analisis konsep zuhud menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. *Proceeding International Conference on Islamic Education*. [Kertas kerja].

- [https://www.researchgate.net/publication/305476033\\_Konsep\\_Zuhud\\_Menurut\\_Imam\\_Ghazali](https://www.researchgate.net/publication/305476033_Konsep_Zuhud_Menurut_Imam_Ghazali)
- Al-Jailani, A. Q. (1974). *Futuh al-Ghayb*. Kaherah: Maktabah al-Babiy al-Halabi.
- Al-Jailani, S. A. (2011). *Pembukaan kepada yang Ghaib*. (Abdul Majid, Penterjemah). Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Al-Kayyali, Asim Ibrahim. (2011). *al-Qamus al-Sufi*. Lubnan: Books Publisher.
- Al-Qahtani, Sa'id Musfir. (2010). *Memahami Ketokohan, Akidah dan Tasawuf Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani Mengikut Pandangan Ahlus Sunnah Wal Jamaah*. Terj. Abu Ezzat Al-Mubarak, Munirul Abidin, Ainur Rofiq. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Qusyairi, A. K. (2002). *al-Risalah al-Qusyairiyyah*. (U. Faruq, Penterjemah) Jakarta: Penerbit Amani.
- Al-Sarraj, A. N. (2002). *al-Luma'*. (A. H. Surur, Ed., & W. & Rahman, Penterjemah) Surabaya: Risalah Gusti.
- HAMKA. (1985). *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Hidayat, H. D. (2014). *Akhlak Sufi*. Bandung: Royyan Press.
- Ali, M. Z., Ismail, N., & Hussin, A. (2022). Tahap penghayatan akhlak tasawuf dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin di sekolah aliran agama daerah Bachok, Kelantan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 197-214.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. (1965). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ismail, N., & Abu Zahrin, S. (2018). Menyubur kecintaan ilmu melalui pembentukan peribadi Muslim. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2018 (THIQAH 2018)*, (pp. 61-71). Retrieved from [http://conference.kuis.edu.my/thiqah/images/eprosiding/1005\\_THIQAH2018.pdf](http://conference.kuis.edu.my/thiqah/images/eprosiding/1005_THIQAH2018.pdf)
- Jumantoro, T. dan Amin, S.M. (2005). *Kamus Ilmu Tasawuf*. Wonosobo: Penerbit Amzah.
- Limisjar. (2017). Pembinaan sifat ikhlas menurut Pendidikan Islam. *Intelektualita* 5(2), 83-105. <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/intel/article/view/4447/2929>
- Mashar, A. & Muna, N. (2020). Filsafat etika tasawuf Syaikh 'Abdul Qadir al-Jailani: Kajian etika salik dalam kitab *Ghunyat li Thalibi Thariq al-Haqq*. *Jurnal Intelektual: Jurnal Pendidikan dan Studi Keislaman*, 10(3), 272-286. <https://doi.org/10.33367/ji.v10i3.1427>.
- Mat Daud, H., Yussuf, A. dan Abdul Kadir, F.A. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 17(9), 75-98. <http://journalarticle.ukm.my/17017/1/44628-143588-1-SM.pdf>
- Muhammad Zin, A. (1998). Hubungan antara tasawuf dan dakwah daripada perspektif Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jilani. *Islamiyyat* 18&19, 21-23. <http://journalarticle.ukm.my/7649/1/4049-9336-1-SM.pdf>

- Muzayanah, F. (2021). Integrasi konsep tasawuf-syariat Syaikh Abdul Qadir al-Jailani (Qutubul Auliya). *MOZAIC Islam Nusantara*, 7(1), 1-28. doi:10.47776/mozaic.v7i1.168
- Pakar, S.I. (2013). *Tokoh-Tokoh Tasawuf dan Ajarannya*. Yogyakarta: Deepublish.
- Rohmatullah, A. (2019). Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Kitab Manaqib Shaikh Abd Qadir al-Jailani Karya Kiai Muslih. Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang. <http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/9586/>
- Subhi, Mohammad & Syelin Komala, Nurma. (2020). Perbandingan Pemikiran Tasawuf Abd Al-Qadir Jailani, Ibn Arabi dan Jalal Al-Din Rumi. Universitas Paramadina, Jakarta. <https://repository.paramadina.ac.id/39/>
- Saifurrahman. (2016). Pembentukan keperibadian Muslim dengan tarbiyah Islamiyah. *Raudhah: Jurnal Tarbiyah Islamiyah*, 1(1), 65-76. Retrieved from <https://media.neliti.com/media/publications/300410-pembentukan-kepribadian-muslim-dengan-ta-571b37e9.pdf>
- Zakariya, A. F. (2019). Etika guru dan murid dalam kitab Al-Fatḥu Al-Rabbāniy karya Syekh Abdul Qadir Al-Jailani. UIN Walisongo. <http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/11188/>
- Zulfian dan Happy Saputra. (2021). Mengenal konsep tawakkal Ibnu ‘Athailah al-Sakandari. *Jurnal Pemikiran Islam*, 1(1), 74-88. <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/jpi>.